

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

UiTM CAWANGAN SARAWAK SERTAI KARNIVAL JOM MASUK U 2025 (JMU2025), ZON SARAWAK 1, BINTULU

Penulis: Amira Hazwani Anuar, Arif Azizi Che Harun, dan Gloria Panit

Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan karnival pendidikan ikonik terbesar di Malaysia iaitu Karnival Jom Masuk U 2025 (JMU2025).



Poster hebahan Jom Masuk U 2025

JMU2025 Zon Sarawak 1 pada tahun ini telah diadakan pada 26 dan 27 April 2025 di Boulevard Shopping Mall, Bintulu. Program ini telah mencatatkan penyertaan menggalakkan seramai 41,183 pengunjung secara fizikal dan 44,445 penyertaan secara dalam talian, menjadikan jumlah keseluruhan kehadiran sebanyak 85,628 orang.

Program yang menampilkan 54 institusi pempamer terdiri daripada universiti awam, politeknik, kolej komuniti, dan institut latihan kemahiran awam. UiTM Cawangan Sarawak turut diundang untuk mempromosikan UiTM secara amnya kepada semua pengunjung.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Adana bin Haji Jed, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak. Tidak ketinggalan, Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Profesor Dr. Firdaus Abdullah turut hadir menyantuni dan berkongsi maklumat berkaitan program akademik di UiTM kepada pengunjung.

Meletakkan objektif utama sebagai platform menyebarkan maklumat pendidikan tinggi, pengunjung berpeluang mendapatkan penjelasan terus daripada pakar mengenai pemilihan kursus dan prospek kerjaya melalui program ini. Penganjur turut mempromosikan kemudahan permohonan secara dalam talian melalui sistem UPUOnline.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk pengunjung termasuk sesi kaunseling pendidikan percuma, pameran maklumat kemasukan, dan perkongsian peluang biasiswa. Wakil-wakil universiti turut memberikan taklimat secara langsung berkenaan program pengajian yang ditawarkan. Sambutan menggalakkan diterima daripada pelajar sekolah, lepasan SPM/STPM, prasiswazah serta ibu bapa.



Penyertaan UiTM dalam program ini merupakan salah satu inisiatif menyokong hasrat KPT untuk memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara. Diharapkan lebih banyak program seumpama ini dapat diperluaskan lagi bagi menjamin akses maklumat pendidikan yang saksama kepada semua lapisan masyarakat.